

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang diberikan kepada Pulau Pinang untuk setiap tahun sejak 2000 dan berikan pecahan ikut daerah. Dalam jumlah ini, berapakah untuk jalan raya, longkang, dan untuk kampung baru, kampung tradisi dan estet-estet ladang dengan butiran lanjut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pemberian yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Pulau Pinang bagi

tempoh 15 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga tahun 2014 adalah sebanyak **RM1,848,304,934** seperti berikut:

i. Pemberian yang dibayar terus ke dalam Akaun Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang:

Tahun	Geran/Pemberian (RM)					Jumlah
	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	Pemberian Pertambahan Hasil	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	Pemberian Bayaran Perkhidmatan	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur & Kesejahteraan Hidup	
2000 - 2014	321,284,264	117,312,030	197,381,134	181,377,466	162,047,538	979,402,432

Agihan di peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

i. Pemberian yang dibayar terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan:

Tahun	Geran/Pemberian (RM)		Jumlah
	Geran Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan	Bantuan Bayaran Bil Lampu Jalan & Lampu Isyarat PBT	
2000 - 2014	139,462,427	37,855,459	177,317,886

Agihan mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran A**.

- i. Bayaran Pemberian yang disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk dimasukkan dalam Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri:

Tahun	Pemberian Jalan Negeri (MARRIS) (RM)	Jumlah
2000 - 2014	691,584,616	691,584,616

Agihan di peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan Peruntukan Pembangunan kepada semua negeri termasuk Pulau Pinang melalui Kementerian/Agensi/Jabatan di mana peruntukan ini antaranya merangkumi peruntukan bagi sektor keselamatan, sosial, kesihatan, pertanian dan pendidikan. Perincian Peruntukan Pembangunan bagi Pulau Pinang mengikut daerah dan kategori yang diminta adalah seperti di **Lampiran B**.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan pembangunan (capex) dan pengurusan (opex) yang dibelanjakan ke atas semua sekolah-sekolah di Pulau Pinang mengikut aliran sekolah setiap tahun sejak 2000. Nyatakan jumlah permohonan projek pembangunan dalam tempoh masa yang sama dan berapa banyak yang diluluskan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan mengurus (OE) kepada JPN Pulau Pinang untuk tahun 2013 sebanyak RM 2,053,640,720 dan tahun 2014 sebanyak RM 1,420,678,095 khusus bagi tujuan perbelanjaan mengurus emolumen dan pengoperasian sekolah. Sementara bagi perbelanjaan pembangunan (DE) pula, KPM telah menurunkan peruntukan sebanyak RM37,634,941.65 bagi kategori rendah dan RM64,583,511.15 bagi kategori menengah khusus untuk pembangunan sekolah-sekolah di Pulau Pinang sepanjang tempoh RMK10 (2011-2014).

Selain daripada itu, peruntukan turut disalurkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan JKR untuk penyelenggaraan dan pembaikan dan perlu dibelanjakan oleh agensi pelaksana tersebut pada tahun semasa. Kaedah penyaluran adalah melalui penurunan waran peruntukan kepada agensi pelaksana untuk penyelenggaraan dan pembaikan sahaja. Berikut adalah maklumat peruntukan yang telah diturunkan ke JPN Pulau Pinang untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional tidak menggunakan keputusan percubaan peperiksaan SPM sebagai kelayakan memohon program asas universiti atau pra universiti. Berikan statistik keputusan SPM dan percubaan pelajar-pelajar yang diterima mengikuti pengajian berkaitan untuk tempoh tahun 2000 hingga 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab dan rasional Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menggunakan keputusan percubaan peperiksaan SPM untuk kemasukan ke Institut Pendidikan Tinggi Swasta adalah kerana:

1. SPM merupakan peperiksaan penting dalam kalendar persekolahan Malaysia dan pencapaiannya diiktiraf di seluruh dunia serta diterima sebagai syarat kelayakan masuk pelajar Malaysia ke IPT dalam atau luar negara.

2. SPM merupakan satu bentuk penilaian berasaskan kebangsaan (*national based*) ke atas pelajar yang dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan dengan pengiktirafan melalui pensijilan. Sebaliknya, soalan peperiksaan percubaan SPM ialah penilaian berasaskan sekolah yang tidak diseragamkan dan tidak diberikan pengiktirafan melalui pensijilan.
3. Penggunaan keputusan peperiksaan percubaan SPM sebagai syarat kelayakan masuk dikhuatiri akan menjadi satu titik permulaan kepada amalan yang tidak diingini pada masa hadapan yang boleh menggalakkan ketidakpatuhan kepada standard kualiti.

Walaupun bagaimanapun, KPM bersetuju akan penggunaan Keputusan Peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tujuan pengambilan pelajar ke IPTS seperti berikut :

- i. IPTS boleh membuat pengambilan (enrolment) pelajar menggunakan keputusan peperiksaan percubaan SPM dengan memberikan Tawaran Bersyarat; dan
- ii. Pelajar hanya boleh mendaftar secara rasmi selepas keputusan SPM diumumkan.